

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2011

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGURANGAN DENDA KE ATAS CUKAI TANAH TERTUNGGAK DI BAWAH KAEDEAH 17A, KAEDEAH- KAEDEAH TANAH KELANTAN 1966

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan mengenai penetapan semula garis panduan permohonan pengurangan denda ke atas cukai tanah tertunggak di bawah Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Di bawah Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966, Pengarah Tanah dan Galian Kelantan telah diberi kuasa untuk mempertimbangkan pengurangan denda ke atas cukai tanah tertunggak dalam kes-kes tertentu. Perkara ini telah dijelaskan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 2/2009 dan garis panduan pengurangan denda telah ditetapkan melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 4/2009. Walaubagaimanapun, garis panduan tersebut hanya mempertimbangkan pengurangan denda yang melebihi RM 1,000.00 sahaja. Selaras dengan keadaan semasa, garis panduan pengurangan denda perlu ditetapkan semula supaya lebih jelas dan mencapai maksud pelaksanaan peruntukan Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

3. Sehubungan dengan itu, garis panduan bagi permohonan pengurangan denda ke atas cukai tanah tertunggak telah ditetapkan seperti berikut:-

- a) Cukai tanah semasa, tunggakan cukai tanah, bayaran-bayaran lain yang dikenakan dan jumlah denda mengikut kadar pengurangan seperti di perenggan (b) hendaklah dijelaskan semasa permohonan dibuat. Permohonan tidak akan diterima sekiranya bayaran-bayaran tersebut tidak dijelaskan terlebih dahulu;

- b) Kadar pengurangan denda yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:-

<u>DENDA BAGI SETIAP SATU HAKMILIK</u>	<u>KADAR PENGURANGAN</u>
Kurang daripada RM 1,000.00	10% daripada denda
RM 1,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM 3,000.00	20% daripada denda
RM 3,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM 5,000.00	30% daripada denda
RM 5,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM 10,000.00	40% daripada denda
RM 10,000.00 dan ke atas	50% daripada denda

- c) Bayaran memfail permohonan dikenakan ke atas setiap permohonan mengikut kadar yang ditetapkan di bawah Item 63(a), Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966;

- d) Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian Kelantan dengan disertakan bersama cabutan hakmilik terkini, bil cukai tanah selepas bayaran di perenggan (a) dijelaskan, dan salinan resit bayaran memfail permohonan.

3. Kadar pengurangan denda yang ditetapkan di atas tidak membataskan peruntukan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Kelantan di bawah Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 untuk mempertimbangkan pengurangan denda mengikut kadar-kadar tertentu.
4. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan hendaklah menghebahkan tawaran pengurangan denda ke atas cukai tanah tertunggak kepada orang ramai sebagai usaha untuk menggalakkan pemilik-pemilik tanah menjelaskan cukai tanah tertunggak.
5. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 2/2009. Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 4/2009 dengan ini dibatalkan selaras dengan pemakaian Arahan ini.



(HJ. WAN MUSTAPHA B. WAN AB. HAMID)

Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADА :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia, Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN.**

FAIL : PTG.KN.3269 JLD.3 (18)
BERTARIKH : 23 SYA'ABAN 1432H
25 JULAI 2011